

**PERSEPSI MASYARAKAT ISLAM TERHADAP MASJID
DI UNIT KEJIRANAN, IPOH PERAK**

Oleh

MAZWIN BINTI MOHAMED NOOR

**Jabatan Perancangan Bandar Dan Wilayah
Fakulti Senibina Perancangan Dan Ukur
Institut Teknologi Mara
Cawangan Perak , Sri Iskandar
Perak Darul Ridzuan**

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah *Subhanahuwataala* kerana dengan rahmat dan izin-Nya, saya dapat menyiapkan kajian akhir ini dengan jaya dan juga tepat pada masanya. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih buat semua yang terlibat dan memberi kerjasama yang memberansangkan terhadap kajian akhir saya ini tidak kira dalam bentuk nasihat, bahan-bahan dan juga tunjuk ajar.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu En. Abdul Halim Ghazali, pensyarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah di atas nasihat serta bimbingan yang diberikan olehnya sepanjang penyediaan kajian ini. Tanpa usaha beliau yang bersungguh-sungguh, kajian akhir ini sukar dijalankan dengan jayanya.

Di samping itu juga, saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat dalam kajian akhir ini terutamanya Dewan Bandaraya Ipoh, Jabatan Agama Islam Perak, Yayasan Dakwah Islamiah dan Persatuan Ulama Malaysia. Tidak ketinggalan pada individu terlibat yang memberikan nasihat dan sokongan yang tidak berbelah bagi.

ABSTRAK

Masjid merupakan salah satu kemudahan keagamaan yang menjadi pusat pembentukan masyarakat Islam sejak dulu lagi. Peranan yang dimainkan oleh masjid sejak zaman Rasulullah *Sallalah Alaihi Wasallam* meninggalkan kesan dan pengaruh besar dalam seluruh aspek kehidupan manusia tidak kira di bandar mahupun di desa.

Bagi kajian ini, masjid yang dikaji adalah khusus pada masjid yang terletak di unit-unit keijiranan dimana tiga buah masjid unit keijiranan telahpun dipilih untuk kajian ini. Selain daripada masjid itu sendiri, kajian ini turut merangkumi masyarakat unit keijiranan, ahli jawatankuasa, jabatan kerajaan yang berkenaan serta badan bukan kerajaan. Aspek-aspek seperti lokasi, piawaian dan juga pengguna turut diambil kira.

Data-data yang diperlukan adalah berdasarkan kepada kajiselidik temubual serta kerjasama dari agensi-agensi kerajaan dan bukan kerajaan seperti Dewan Bandaraya Ipoh, Jabatan Agama Islam Perak, Yayasan Dakwah Islamiah, Persatuan Ulama Malaysia dan Angkatan Belia Islam. Segala maklumat dan cadangan yang dikemukakan pula adalah bertujuan untuk mengatasi masalah-masalah sedia ada di kawasan kajian selaras dengan hasrat untuk mewujudkan masjid sebagai pusat pembentukan masyarakat Islam.

Keseluruhannya, didapati kajian ini penting bagi mewujudkan institusi masjid sebagai pusat segala aspek kehidupan seperti pendidikan, politik, sains, ibadat, kesenian, sosial, ekonomi dan lain lain lagi. Adalah menjadi harapan agar masjid kembali berperanan untuk kepentingan kesepaduan umat Islam.

Penghargaan	i
Abstrak	ii
Senarai Kandungan	iii
Senarai Jadual	xiii
Senarai Rajah	xvi
Senarai Lampiran	xvii
Senarai Singkat Kata	xviii

KANDUNGAN

MUKASURAT

BAB 1	Pengenalan	1
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	2
1.2.1	Pemisahan Aspek Keduniaan dan Keakhiratan	2
1.2.2	Tren Pembangunan Masjid	2
1.2.3	Konsep Perancangan Reruang Masjid	3
1.3	Tujuan Kajian	3
1.4	Objektif	3
1.5	Kepentingan Kajian	4
1.5.1	Masjid Sebagai Medan Pengisian Jiwa	4
1.5.2	Masjid Sebagai Institusi Umat Islam Yang Suci	4

BAB 1

Pengenalan

1.1 PENDAHULUAN

Masjid lazimnya merupakan tempat solat dan beribadat. Bagi mereka yang kurang faham tentang peranan masjid tentunya menganggap masjid sama seperti rumah ibadat yang lain iaitu tempat melaksanakan solat lima waktu, menyempurnakan perayaan-perayaan tertentu dalam kalendar Islam seperti *Maulidur-Rasul* dan *Nisfu Syaaban*.

Jelasnya, mentaliti masyarakat kini tentang peranan masjid lebih tertumpu pada kegiatan berbentuk ibadat khusus sahaja sehingga ada yang takut menjalankan kegiatan lain di masjid. Golongan ini bertanggungjawab kegiatan selain daripada sembahyang tidak boleh diadakan di masjid. Tanggapan yang menular dalam masyarakat Islam mengakibatkan institusi masjid terbataskan perannya.

Permasalahan yang ada mengakibatkan timbul sikap saling menuding jari menyalahkan seperti ahli jawatankuasa masjid sehinggalah masyarakat serta pihak berkuasa tempatan di tempat masing-masing. Hakikatnya, kesemua pihak bertanggungjawab atas apa yang berlaku kerana ia berpunca daripada kejahilan sendiri. Masih belum terlambat untuk membaiki keadaan dan ia haruslah dimulakan dengan sebuah perancangan yang teratur dan bijaksana.